

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI KHAMIS, 25 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 13**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1131-L799  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah Rumah Mesra Rakyat yang telah diluluskan bagi negeri Sabah pada tahun 2005, berapa jumlah yang sudah siap dan bolehkah Kerajaan membenarkan pembinaan rumah ini di atas "reserve" perkampungan.
2. PN-1131-L529  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah bilangan jalan bertol di seluruh negara sehingga sekarang dan berapa pula bilangan jalan raya bertol yang akan disiapkan dalam RMK-9.
3. PN-1131-L218  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam usaha menghapuskan kegiatan 'Gores dan Menang' yang semakin berleluasa.
4. PN-1131-L553  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah kutipan hasil yang telah dibuat oleh syarikat-syarikat konsesi yang menguruskan tol pada tahun 2004 dan 2005 dan berapakah pula pampasan yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi dalam tempoh tersebut.
5. PN-1131-L627  
**Dato' Rhina Bhar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah wujud tindakan-tindakan untuk menghalang berlakunya penyalahgunaan proses bila "Private Finance Initiative" dilaksanakan kelak.

6. PN-1131-L784  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah pengambilan pekerja asing secara besar-besaran ini dikawal dan diteliti rekod jenayah mereka sebelum diambil bekerja di negara ini, kerana banyak kes jenayah seperti rompakan, samun, pecah rumah dan sebagainya membabitkan pendatang asing seperti mana yang telah berlaku di rumah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, baru-baru ini.
7. PN-1131-L205  
**Datin Naomi Chong Set Mui** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian ada mengambil tindakan dengan membuat pertuduhan di mahkamah ke atas pencemaran udara mahupun air yang mana mereka ini seharusnya bukan saja dikenakan denda malahan dipenjarakan sebagai langkah pencegahan memandangkan kejadian pencemaran semakin berleluasa.
8. PN-1131-L340  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan untuk melahirkan satu generasi baru nelayan-nelayan Malaysia.
9. PN-1131-L451  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan piawaian air yang diguna pakai dan pada tahun 2005 berapa sampel air yang sudah dianalisa dan apakah hasil analisa tersebut dan peratusan atau "sigma level" keyakinan bahawa setiap kali air yang digunakan itu adalah bersih dan mematuhi piawaian.
10. PN-1131-L707  
**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah langkah-langkah yang telah dan akan dicapai oleh pihak Kerajaan di dalam mewujudkan golongan usahawan tulen bumiputera hasil daripada dasar pengswastan pihak Kerajaan terhadap syarikat-syarikat GLC's di negara kita.
11. PN-1131-L643  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah anggaran kutipan hasil cukai yang dijangka boleh dikutip oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia mengikut negeri-negeri bagi tahun 2001 hingga 2005 dan berapakah pula jumlah sebenar yang telah berjaya dikutip dalam tempoh tersebut dan anggaran hasil cukai yang akan dipungut bagi tahun 2006 hingga 2010 serta strategi bagi menjayakan sasaran kutipan tersebut.
12. PN-1131-L234  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab-sebab utama UDA perlu ditubuhkan semula dalam RMK9. Dengan penswastan UDA, apakah faedah-faedah yang diperolehi oleh Kerajaan dan rakyat. Berapakah jumlah kerugian yang dialami oleh Kerajaan apabila menswastakan UDA dulu.

13. PN-1131-L416  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah yang patut diambil untuk membantu usahawan-usahawan muda dalam menceburi bidang perniagaan sebagai alternatif.
14. PN-1131-L405  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh mana usaha yang telah diambil oleh Kementerian untuk mewujudkan satu dasar inovasi negara dan apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk menentukan lahirnya rakyat Malaysia yang berinovasi.
15. PN-1131-L603  
**Datuk Ratnam a/l Muthiah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab-sebabnya ekuiti kaum India turun dari 1.5% ke 1.2% dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-8 walaupun sasarannya ialah 3%. Apakah langkah-langkah dan pemantauan diambil oleh Kerajaan supaya sasaran 3% tercapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9.
16. PN-1131-L137  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menggubal atau meminda Akta Alam Sekitar agar pihak yang melakukan pembuangan toksik secara haram dijatuhkan hukuman mandatori kerana perbuatan ini menjejaskan alam sekitar dan mengancam keselamatan nyawa penduduk.
17. PN-1131-L743  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesungguhan belia untuk memantau pelaksanaan RMK-9. Kesungguhan hanya membawa erti sekiranya ditemani keberanian untuk menghukum penyelewengan dan kecuaiian dalam pelaksanaan tersebut. Mampukah dan berupayakah YAB. Perdana Menteri dan instrumen-instrumen pemantauan di Kementerian memainkan peranan ini.
18. PN-1131-L471  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan sekolah Tamil yang perlu dibaik pulih dan menyatakan bilangan yang sudah dibaik pulih mengikut negeri.
19. PN-1131-L483  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menformatkan semula borang-borang yang diguna pakai oleh pihak Kerajaan kerana format borang sedia ada telah lama dan amat menyulitkan kerja pengisian maklumat oleh pengguna.

20. PN-1131-L359  
**Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kriteria perlantikan Naib-Canselor -Naib Canselor di semua IPTA.
21. PN-1131-L380  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jenis beban tugas guru yang dikenal pasti dan apakah langkah yang telah dan akan dilaksanakan bagi menangani isu ini.
22. PN-1131-L594  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah masih belum dilaksanakan kelas pra-sekolah di semua sekolah jenis kebangsaan tamil dan cina. Bilakah ia dapat dijalankan di semua sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini.
23. PN-1131-L255  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang melaksanakan Key Performance Index (KPI) di setiap sektor awam selaras dengan salah satu teras RMK-9 yang menekankan pentingnya 'public delivery system' negara.
24. PN-1131-L433  
**Tuan Lee Chee Keong** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perancangan Kementerian untuk mencapai bilangan pelajar-pelajar asing setinggi 100 ribu orang di IPTA dan IPTS menjelang tahun 2010.
25. PN-1131-L774  
**Tuan Chiw Tiang Chai** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan salah satu teras dalam RMK-9 iaitu sistem penyampaian benar-benar dapat dihayati dan dilaksanakan oleh anggota-anggota perkhidmatan awam.
26. PN-1131-L760  
**Datuk Dr. Lee Chong Meng** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan maklumat terperinci dan terkini berkenaan projek Little India di Brickfields Kuala Lumpur dan projek untuk Pusat Kraftangan Kaum Melayu di Kampung Baru bagi menggalakkan industri pelancongan di Kuala Lumpur.
27. PN-1131-L663  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah terdapat sebarang program yang telah disediakan oleh Kementerian bagi membantu isteri atau balu anggota tentera dan bekas tentera di dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi melalui pertubuhan atau badan kebajikan termasuk Badan Kebajikan Keluarga Anggota Tentera (BAKAT) dan PBTM.

28. PN-1131-L275  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah sehingga Disember 2005 masih terdapat wang derma Tsunami sebanyak RM27.5 juta yang belum lagi diagihkan. Nyatakan jumlah mangsa yang belum menerima bantuan peralatan bot, pukot, enjin bot dan rumah kediaman. Bilakah kes ini dapat diselesaikan.
29. PN-1131-L537  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah pencapaian MAS sejak ianya diletakkan di bawah pengurusan baru. Berapa ramaikah pekerja MAS yang telah diberhentikan oleh pengurusan baru dan berapakah bantuan kewangan yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada MAS sejak Oktober 2005.
30. PN-1131-L671  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tindakan dan kawalan terhadap ajaran-ajaran sesat yang masih berleluasa dan adakah fahaman 'Qadiani' di dalam golongan ajaran sesat ini.
31. PN-1131-L559  
**Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah strategik Kerajaan untuk menghalang orang Islam di negara ini dari terlibat dengan pembelian 4 nombor ekor, tiket loteri atau tiket-tiket judi yang lain di semua kedai perjudian . Walaupun undang-undang yang sedia ada sekarang telah mengharamkan orang Islam daripada terlibat dengan perjudian tetapi masih terdapat ramai orang Islam yang berbaris untuk membeli 4 nombor ekor atau loteri di kedai-kedai berlesen berkenaan secara terbuka.
32. PN-1131-L188  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membantu mendirikan Muzium Kuala Lumpur bagi merakamkan detik-detik pembangunan ibu kota dan sama ada Kementerian bersedia memartabatkan Yap Ah Loy sebagai Bapa Kuala Lumpur (The Founder of Kuala Lumpur).
33. PN-1131-L139  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah bagi memastikan peralihan kuasa di antara pemimpin belia sedia ada dengan pemimpin belia yang lebih muda berlaku dengan sempurna sejajar dengan pengubalan Akta Belia yang bakal menetapkan had umur pemimpin belia kepada 40 tahun; dan
  - (b) kepentingan Akta Belia, mengapa perlunya pemimpin belia yang muda memimpin persatuan belia itu sendiri dan hala tuju belia selaku pelapis negara.

34. PN-1131-L697  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah pengimportan daging lembu, daging kambing dan susu ke Malaysia sejak RMK-8 dan dari negara manakah ianya diimport untuk mengurangkan pergantungan import tersebut dalam RMK-9.
35. PN-1131-L321  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menghadkan bilangan murid di setiap sekolah yang mempunyai jumlah murid yang berlebihan malahan ada sekolah yang mencecah hampir dua ribu.
36. PN-1131-L306  
**Puan Siw Chun a/p Eam** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi memantau tugas kakitangan Jabatan Penerangan di seluruh negara bagi memastikan segala dasar Kerajaan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.
37. PN-1131-L577  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Kerajaan tidak mewujudkan perbezaan tangga gaji permulaan kepada siswazah mengikut bidang pengajian mereka di universiti apabila mereka menyertai perkhidmatan awam.
38. PN-1131-L742  
**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Persatuan-persatuan Belia dan Sukan Daerah pada tahun 2005.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

### 1. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

**bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

### **Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 24 Mei, 2006 ]**

2.	(D.R. 7/2006)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
3.	(D.R. 5/2006)	Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006	“
4.	(D.R. 4/2006)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006	“
5.	(D.R. 8/2006)	Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2006 ;	“
6.	(D.R. 9/2006)	Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006;	“
7.	(D.R. 3/2006)	Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006;	“
8.	(D.R. 6/2006)	Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006;	“
9.	(D.R. 26/2005)	Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2005; dan	“
10.	(D.R. 2/2006)	Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006.	“

